

Jilid IV
No. 48



Hari Juma'at
1hb Mach, 1968

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 7041]

RANG UNDANG²—

UNDANG² KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966:
(Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 3),
1968) [Ruangan 7044]

UNDANG² KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966:
(Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada
Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1968 [Ruangan 7045]

UNDANG² PERATORAN KEWANGAN 1957 (PINDAAN
KAPADA JADUAL KEDUA UNDANG² (Kira² Pinjaman Per-
tanian Jangka Pendek) [Ruangan 7046]

RANG UNDANG² THE WILD ANIMALS AND BIRDS PRO-
TECTION (AMENDMENT) BILL [Ruangan 7048]

RANG UNDANG² LAGU KEBANGSAAN [Ruangan 7063]

THE WAGES COUNCIL (AMENDMENT) BILL [Ruangan 7109]

UNDANG² PEKERJAAN, 1955 (Pindaan kapada Jadual) [Ruangan
7112]

PENANGGOHAN MAJLIS MESHUARAT DENGAN TIDAK
DI-TETAPKAN HARI MESHUARAT (USUL) [Ruangan 7113]

UCHAPAN PENANGGOHAN—

Layaan yang sesuai kapada ra'ayat Sarawak terutama keturunan
Kenyah dan Kayan [Ruangan 7113]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

Penggal Yang Keempat

Penyata Rasmi

Hari Juma'at, 1hb Mach, 1968

Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Perua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Y.B. TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
 TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
 TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
 (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
 (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
 di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
 RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
 A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
 A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
 (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
 (Johor Bahru Timor).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAFA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

- Yang Berhormat **TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB** (Krian Laut).
- „ **TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K.** (Larut Utara).
- „ **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N.** (Kulim-Bandar Bharu).
- „ **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN** (Sarawak).
- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Batu).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P.** (Bagan).
- „ **TUAN TAN TOH HONG** (Bukit Bintang).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).
- „ **TUAN TOH THEAM HOCK** (Kampar).
- „ **TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD** (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N.** (Pekan).
- „ **Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kedah Tengah).
- „ **Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.** (Batang Padang).
- „ **Menteri Hal Ehwal Sarawak, Y.B. TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K.** (Sarawak).
- „ **Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).
- „ **Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K** (Trengganu Tengah).
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K.** (Kuantan).
- „ **TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN** (Lipis).
- „ **TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD** (Sarawak).
- „ **PUAN AJIBAH BINTI ABOL** (Sarawak).
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J.** (Muar Selatan).
- „ **TUAN AZIZ BIN ISHAK** (Muar Dalam).
- „ **TUAN CHAN SEONG YOON** (Setapak).
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG** (Sabah).
- Yang Berbahagia **TAN SRI HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.** (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat **TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K.** (Sabah).
- „ **DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P.** (Sabah).
- Yang Amat Berbahagia **TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J.** (Johor Timor).
- Yang Berbahagia **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.** (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat **TUAN KADAM ANAK KIAI** (Sarawak).
- „ **TUAN KHOO PENG LOONG** (Sarawak).
- „ **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P.** (Sabah).

Yang Berhormat TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

KAKI-TANGAN KERJA, M.I.E.L.

1. Wan Hassan bin Wan Daud [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberi satu senarai penoh Kaki-tangan Kerja dalam M.I.E.L. dengan menyatakan kelayakan, umur, pengalaman, taraf kera'ayatan dan gaji mereka.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, sharikat ini yang terkenal sa-bagai Malaysia Industrial Estates Ltd (M.I.E.L.) ada-lah sa-buah sharikat sendirian yang berhad yang menjadi sa-buah sharikat subsidiary yang di-

punyaï oleh Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad. Hanya 7 orang sahaja kakitangan dalam Sharikat M.I.E.L. ini, 4 orang daripada mereka ia-lah pegawai kerja, atau pegawai professional, daripada jumlah ini hanya sa-orang sahaja pegawai dagang ia-itu Penasihat Teknik yang telah di-ambil di-bawah Rancangan Colombo, yang tiga orang lagi ia-lah warganegara Malaysia.

BILANGAN SHARIKAT TARAF PERINTIS

2. Wan Hassan bin Wan Daud [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa jumlah bilangan taraf perintis yang di-beri kepada penanam² modal dan perusahaan² tempatan dan asing, mengikut jumlah modal yang di-tanam, jenis perusahaan, dan taraf kera'ayatan penanam² modal itu.

Dr Lim Swee Ann: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sharikat taraf perintis pada 31hb Jun, 1968, ia-lah 131. Dari-pada jumlah ini, 50 sharikat di-punyai oleh pemodal tempatan, 20 modal asing dan 60 modal tanggungan bersama atau joint venture.

Jumlah modal telah di-tanam pada tarikh itu ia-lah \$301,970,894. Lebih kurang \$178 juta daripada-nya modal asing dan \$123 juta modal tempatan.

Jenis² perusahaan yang di-beri taraf perintis ia-lah seperti berikut :

1. Fruit manufacturing.
2. Beverage manufacturing.
3. Manufacture of footwear and other wearing apparels and made-up goods.
4. Manufacture of timber products.
5. Manufacture of furniture and fixtures.
6. Printing and allied industries.
7. Manufacture of leather and leather products.
8. Manufacture of rubber products.
9. Manufacture of chemicals.
10. Manufacture of petroleum and cold products.
11. Manufacture of non-metallic mineral products.
12. Basic metal industries.
13. Manufacture of metal products.
14. Manufacture of machinery.
15. Manufacture of electrical machinery apparatus.
16. Manufacture of transport equipment.

Modal asing di-dalam sharikat² taraf perintis itu datang dari Australia, Bahamas, Canada, Denmark, Formosa, Germany, Holland, Hong Kong, Indonesia, Japan, Switzerland, Thailand, United Kingdom, United States of America dan lain²-nya.

UNDANG² KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966

Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 3), 1968

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang² Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966 Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 3), 1968 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 36 Tahun 1968, di-sahkan.

Perintah Kastam yang ada di-hadapan Dewan ini telah di-buat kerana memberi perlindungan kepada perusahaan peti sejok daripada kemasukan peti sejok yang berlebihan daripada luar negeri. Walau pun kawalan impot telah di-kenakan di atas peti sejok di-Malaysia dan di-Singapura, kawalan ini tidak di-kenakan kepada impot daripada satu sama lain itu. Semenjak bulan November, 1967 peti² sejok dari luar negeri telah banyak di-bawa masuk ke-Malaysia. Kelebehan impot ini telah bertambah² apabila Lembaga Penasihat Tarif mengumumkan pada 4hb Januari, 1968 bahawa satu Penyiasatan Awam akan di-lakukan di atas peti² sejok pada 22hb Februari, 1968.

Kelebehan impot itu jika tidak di-sekat akan memberi kesan yang burok kepada perusahaan tempatan. Oleh kerana ada-lah dasar Kerajaan untuk memberi perlindungan chukup kepada perusahaan tempatan, maka kadar chukai impot sekarang ini bagi peti sejok kena-lah di-semak sa-mula dengan segera untuk menghadapi keadaan yang baharu. Pada masa ini, ada-lah di-fikirkan bahawa kadar chukai impot sekarang ini sebanyak 20% *ad valorem* bagi peti² sejok yang lebih daripada 12 kaki padu hendak-lah di-pinda kepada 20% *ad valorem* atau \$250 bagi satu peti bergantung kepada mana satu yang tinggi untuk sementara waktu. Kadar ini ada-lah di-kenakan bagi seluroh Malaysia me-lainkan Pulau Labuan mulai daripada 22hb Februari, 1968. Untuk mengawal

supaya pembuat² tempatan tidak mengambil kesempatan daripada chukai baharu ini, mereka telah di-minta memberi akuan bertulis supaya tidak menaikkan harga² peti sejok sekarang ini dengan tiada kebenaran daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang² Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966 Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 3), 1968 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 36 Tahun 1968, di-sahkan.

UNDANG² KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966

Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan Kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1968

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang² Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966 Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1968 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 37 Tahun 1968, di-sahkan.

Perintah ini ada-lah sama dengan Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 3), 1968, yang baharu di-sahkan tadi melainkan ia di-kenakan kapada Pulau Pinang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang² Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966 Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1968 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 37 Tahun 1968, di-sahkan.

UNDANG² PERATORAN KEWANGAN 1957—PINDAAN KAPADA JADUAL KEDUA UNDANG²

Kira² Pinjaman Pertanian Jangka Pendek

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengikut kuasa di-bawah sekshen 10 (4) Undang² Peratoran Kewangan, 1957, ia-itu Jadual Kedua Undang² tersebut di-pinda dengan di-tambah kapada-nya satu butir baharu di-namakan "Kira² Pinjaman Pertanian Jangka Pendek".

Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa satu ranchangan pengayuran yang besar meliputi kawasan penanaman padi di-negeri Kedah dan Perlis sa-luas lebeh kurang 260,000 ekar yang di-namakan Ranchangan Sungai Muda ada-lah sedang di-laksanakan. Pembinaan ranchangan ini di-jangka siap pada akhir tahun 1971. Apabila ranchangan ini siap kelak maka lebeh kurang 130,000 tanah padi baharu akan dapat di-gunakan untuk tanaman 2 kali sa-tahun dan 130,000 ekar tanah padi yang ada di-tanam satu kali sa-tahun sekarang dalam kawasan itu akan juga dapat di-tanam 2 kali sa-tahun.

Sebagai satu langkah yang mustahak bagi menjayakan penggunaan ranchangan ini Jabatan Pertanian mulai daripada tahun ini akan membuat perchubaaan menanam padi 2 kali sa-tahun di-dalam beberapa tempat yang berasingan dalam kawasan projek itu. Ada-lah di-ranchangkan bahawa ujian perchubaaan ini akan di-jalankan pada 40 tempat yang tiap² satu-nya mengan-dongi lebeh kurang 50 ekar dalam kawasan itu. Tujuan mengadakan perchubaaan ini ia-lah kerana menguji keadaan tanah dan jenis padi yang sesuai yang boleh di-tanam dalam kawasan² itu, dan juga untuk menun-jukkan kapada penanam² padi chara

mengusahakan tanaman 2 kali sa-tahun, manakala di-samping itu Jabatan Pertanian akan dapat menentukan apa² kesulitan yang akan di-hadapi dan mencharikan penyelesaian-nya apabila semua kawasan itu siap untuk penanaman padi 2 kali sa-tahun kelak. Perchubaaan saperti ini telah pun di-jalankan di-Kubang Sepat, Kedah, dalam kawasan sa-luas 700 ekar. Banyak pengetahuan yang telah di-dapati daripada kajian yang telah di-buat dalam perchubaaan itu yang sangat berguna untuk menjalankan perchubaaan di-tempat² lain dalam kawasan ranchangan itu. Perchubaaan tanaman padi 2 kali sa-tahun dalam kawasan Sungai Muda ini ada-lah di-tekanakan mustahak-nya oleh Bank Dunia dalam penyata-nya berkenaan pelaksanaan ranchangan ini.

Oleh kerana perchubaaan ini berkehendakkan kerjasama dan sokongan yang penoh daripada penanam² padi sendiri dalam kawasan² yang di-tentukan itu, maka mustahak-lah penanam² padi itu di-beri kemudahan² dan bantuan modal dengan jalan pinjaman untuk membeli beneh² padi, baja, rachun² menchegeh musoh tanaman dan lain² alat yang perlu. Wang pinjaman ini akan di-bayar balek dengan harga pendapatan padi di-atas tanah² yang di-tanam itu. Oleh yang demikian mustahak-lah di-tubuhkan satu tabong kumpulan wang khas bagi memberi pinjaman kepada petani² bagi maksud yang tersebut itu. Ada-lah di-jangka bahawa sa-banyak \$580,000 di-kehendaki sa-bagai wang pusingan dalam Kumpulan Wang bagi maksud pinjaman ini. Oleh itu Jadual Kedua kepada Undang² Peratoran Kewangan tahun 1957 kena-lah di-pinda dengan di-tambah satu butir baharu yang di-namakan "Kira² Pinjaman Pertanian Jangka Pendek". Sa-telah Kumpulan Wang ini di-tubuhkan, Dewan ini akan di-minta meluluskan satu peruntokan sa-banyak \$580,000 untuk di-masokkan ka-dalam Kumpulan Wang tersebut. Sementara itu Perbendaharaan akan menyediakan wang itu dengan jalan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Belanja Luar Jangka atau Contingencies Fund.

Patut juga saya menerangkan di-sini bahawa sa-lain daripada wang pinjaman yang di-beri kepada petani² untuk menjayakan perchubaaan ini, Kerajaan ada juga menyediakan peruntokan bagi kakitangan yang menyelia perchubaaan ini, bagi perbelanjaan membeli alat kelengkapan saperti kereta² tractor dan menyediakan bangunan menyimpan padi dan lain² alat yang mustahak. Patut di-tegaskan juga bahawa peruntokan pinjaman yang tersebut itu di-khaskan bagi petani² yang terlibat dalam ranchangan perchubaaan ini sahaja. Kemudahan² mendapat pinjaman wang bagi petani² yang kena menjayakan pertanaman padi 2 kali sa-tahun di-atas tanah masing² apabila ranchangan taliayer ini siap kelak kena-lah bergantung kepada puncha² yang lain dari Kerajaan. Masaalah ini sedang di-kaji oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Di-putusan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengikut kuasa di-bawah seksyen 10 (4) Undang² Peratoran Kewangan, 1957, ia-itu Jadual Kedua Undang² tersebut di-pinda dengan di-tambah kepada-nya satu butir baharu di-namakan "Kira² Pinjaman Pertanian Jangka Pendek."

RANG UNDANG²

THE WILD ANIMALS AND BIRDS PROTECTION (AMENDMENT) BILL

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang², the Wild Animals and Birds Protection (Amendment) Act, 1968 di-bacha pada kali yang kedua.

Rang Undang² Pindaan ini ada-lah khas untuk mengetatkan kawalan terhadap penggunaan jerat terhadap binatang² liar. Dalam undang² yang ada sekarang kawalan terhadap penggunaan jerat sangat longgar dan ini

telah mengakibatkan banyak orang² menggunakan jerat dan padah-nya banyak binatang² liar yang tidak mati terkena jerat menjadi kudong dan sangsara, terutama harimau dan dengan ini menjadikan binatang² itu sangat buas sa-hingga menjadi pembunuh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini saya yakin Jabatan Mergastua akan dapat mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mendatangkan kesangsaraan kepada binatang² itu. Sekarang ini seringkali di-dapati peristiwa harimau² terutama-nya di-Pantai Timor menjadi pembunuh manusia dan daripada penyiasatan yang telah di-lakukan oleh Jabatan Mergastua boleh-lah di-katakan kesemua binatang² itu menjadi buas oleh kerana chedera dan dengan demikian tidak dapat menangkap mangsa² samula jadi-nya untuk makanan. Dengan demikian binatang² itu terpaksa menangkap dan memakan manusia, kerana manusia lebeh senang di-buru untuk makanan oleh binatang² itu.

Di-sini kita mesti mengambil perhatian bahawa binatang sa-demikian itu kebanyakan-nya mengikut siasatan ialah 80% telah di-chederakan oleh jerat. Ini telah berlaku kerana mengikut undang² yang ada sekarang tidak-lah menjadi kesalahan jika sa-saorang itu ada mempunyai jerat, orang itu hanya di-dapati salah sa-kira-nya ia di-dapati menggunakan-nya dan denda-nya pun terlalu ringan untuk menchegeh sa-saorang yang menggunakan jerat itu.

Dengan undang² yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ia hanya boleh di-denda sa-tinggi-nya \$200 sahaja. Dengan pindaan yang saya kemukakan sekarang sa-saorang yang di-dapati menggunakan jerat atau ada dalam simpanan-nya jerat itu boleh di-hukum sa-tinggi-nya sa-hingga \$2,000 atau dua tahun penjara, atau pun boleh di-hukum dengan denda dan juga dengan penjara. Memang hukuman itu keras, Tuan Yang di-Pertua, dan ini ada-lah membayangkan hasrat Kerajaan untuk benar² menchegeh kesangsaraan mergastua dan juga manusia. Kita tidak mahu mergastua menjadi mangsa

manusia dan sa-telah itu manusia pula yang menjadi mangsa mergastua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang di-buat kepada Fasal 64 dalam Principal Ordinance itu juga ia-lah untuk meninggikan lagi denda² terhadap kesalahan² lain mana tidak dinyatakan denda-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini telah di-edarkan kepada semua Kerajaan² Negeri dan saya sangat sukachita menerangkan semua Kerajaan² Negeri telah bersetuju dengan Rang Undang² ini. Sa-patut-nya Rang Undang² ini telah di-kemukakan lama dahulu sa-lewat²-nya pada awal tahun 1967 sa-bagaimana yang telah saya janjikan dalam tahun 1966, tetapi ketika itu saya telah chuba hendak mengkaji sa-mula semua peruntukan² di-dalam undang² Principal Ordinance itu untuk memperkemaskan lagi peruntukan² yang ada sekarang. Dan daripada kajian² itu timbul beberapa masalaah dan pandangan² daripada Kerajaan² Negeri yang telah saya terima, menunjukkan masalaah² itu tidak dapat di-selesaikan dengan sa-chepat mungkin, tetapi sa-balek-nya peruntukan mengenai jerat ini sangat² di-kehendaki dengan sa-berapa segera untuk maksud² yang saya nyatakan tadi.

Harus juga Ahli² Yang Berhormat bertanya Rang Undang² ini chuma dalam bahasa Inggeris sahaja, tidak di-dalam Bahasa Kebangsaan. Inginlah saya menerangkan di-sini ia-itu oleh kerana Principal Ordinance itu dalam bahasa Inggeris, maka mengikut Undang² Bahasa Kebangsaan rang pindaan-nya pun menggunakan-bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan supaya Rang Undang² the Wild Animals and Birds Protection (Amendment) Act, 1968, di-bachakan bagi kali yang kedua.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang² Pindaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah

dan Galian bagi menguat-kuasakan penggunaan jerat kepada binatang² yang liar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersimpati atas perlaksanaan Rang Undang² ini dengan sebab bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ia-itu mergastua seperti harimau banyak yang membunuh manusia² dengan sebab binatang ini teraniaya perbuatan jerat itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, gemar saya memberi pandangan kepada Yang Berhormat berhubung dengan masalah ada usaha² yang menyalah-gunakan binatang² yang kecil² ini untuk makanan harimau yang banyak menjadi binasa ia-lah daripada dua puncha.

Pertama, bukan semua, sa-tengah² daripada Pegawai² Mergastua itu menyalah-gunakan kuasa² yang di-berikan kepada-nya dia kadang² menyertai orang ramai membunuh binatang² mergastua yang kecil ini sama ada kijang, pelandok, babi untuk makanan harimau ini, dan jadi dengan sebab mereka ini membawa binatang² kecil ini sangat berkurangan di-hutan rimba kita. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tengok kalau kawasan hutan yang besar², kenapa sekarang binatang² liar kita di-hutan yang menjadi khazanah hutan² kita sangat kurang seperti seladang, rusa, ia-lah dengan sebab perbuatan² yang saya katakan tadi. Saya harap kira-nya di-dapati pegawai² kita menyertai orang ramai dalam memburu binatang² itu dengan tidak mempunyai kebenaran, tindakan patut kita ambil.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga memberi satu lesen memburu dalam masa² yang ditentukan, tetapi malang-nya orang² yang tamak ini tidak mengamalkan kebenaran yang di-berikan oleh Jabatan ini mereka melebehi akan masa itu; dengan sebab itu binatang² yang bunting ini kena musnah oleh pemburu² ini dengan begitu natijah-nya, maka binatang² kecil untuk habuan harimau ini makin berkurangan. Jadi, masalah ini juga patut kita perhatikan supaya tidak orang² yang di-beri kebenaran kerana

memburu ini melewati atas apa lesen yang di-beri kepada mereka.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, patut kita perhatikan manusia hendak mengambil binatang ini, atau mergastua ini dengan menggunakan satu ikhtiar membuat lubang. Lubang ini ada lebeh merbahaya daripada jerat. Lubang ini dalam, kalau satu kawan umpama-nya mergastua, babi masuk, bukan satu ekor babi sahaja yang masuk, sa-kumpulan babi itu semua masuk ka-dalam lubang itu dan lubang ini ada kala-nya boleh memberi satu kesusahan kepada manusia yang masuk ka-dalam hutan itu, atau lubang harimau, atau lubang yang di-buat oleh manusia kerana menangkap binatang² itu. Saya fikir sa-lain daripada menguat-kuasakan jerat ini, usaha menchegeh manusia² membuat lubang kerana menangkap mergastua ini patut juga di-perhatikan. Itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, saya turut berchakap berkenaan dengan Rang Undang² the Wild Animals and Birds Protection. Tuan Yang di-Pertua, undang² ini pada dasar-nya memang-lah baik dan saya menyokong, tetapi ada benda² yang saya rasa patut saya sebutkan yang berlainan daripada apa yang di-kemukakan oleh pehak Kerajaan, ia-itu yang pertama tinggi-nya denda yang akan di-kenakan pada orang yang membuat kesalahan di-dalam undang² ini lebeh jauh tinggi-nya daripada yang di-kenakan kepada suami² yang tidak membayar nafkah. Jadi, erti-nya undang² ini hendak memelihara binatang lebeh tinggi lagi denda-nya daripada hendak memelihara manusia dan ini ada-lah satu perkara baharu, ia-itu satu kemajuan dalam negara kita yang di-timbulkan oleh Kerajaan Perikatan. Boleh jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan akan tersenyum bila mendengar denda ini tinggi, kerana dia boleh mendapat wang untuk membelanjakan dalam negeri ini, tetapi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kita jadikan sumber kewangan daripada mendendakan orang² yang salah—ini dari segi punishment-nya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi menentukan kesalahan. Kalau dahulu-nya sa-saorang itu di-katakan salah kalau dia menggunakan jerat, tetapi sekarang ini tidak. Barang siapa ada di-dalam simpanan-nya jerat binatang maka dia sudah bersalah dan boleh jadi akan di-denda sa-tinggi²-nya sampai \$2,000. Tuan Yang di-Pertua, membuat jerat satu masaalah lain, menjerat satu masaalah yang lain. Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-saorang itu mempunyai pisau di-rumah dan dia tidak membuat sa-suatu, orang itu salah, pisau tidak boleh ada, jerat tidak boleh ada, kesemua tidak boleh ada dengan maksud memileki sahaja. Jadi, ini saya rasa terlalu-lah berat sangat, dan saya rasa kalau dia menggunakan jerat itu baharu-lah menjadi salah, dan tidak salah menyimpan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, hujjah² yang di-berikan oleh Kerajaan bahawa undang² ini patut di-perkuat-kuasakan lagi lebeh kemas ia-lah kerana hendak menjaga binatang² supaya jangan jadi mangsa manusia, yang akhir-nya manusia pula menjadi mangsa kapada binatang² itu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, hujjah yang saperti ini berlainan dengan perkara yang sa-benar-nya. Saya bersetuju undang² ini dikuat-kuasakan dari segi lain, ia-itu dari segi kita tidak patut menggunakan jerat yang saperti ini terhadap binatang², kalau² binatang² itu ada yang mengandong, maka dia patah kaki, dia susah hendak menjaga anak dia dan yang kedua dia menerima azab, kalau kaki dia patah, dia tidak mati. Ada pun masaalah kalau binatang itu chedera menjadi buas, maka perkara ini boleh kita bahathkan lagi, sebab binatang² yang chedera itu dia tidak boleh menjadi ganas lagi daripada binatang yang tidak chedera, sebab kalau dia ganas pun dia terasa tidak mempunyai anggota yang boleh menganas. Saya hairan apabila Menteri berkata apabila binatang² ini chedera, chachat tidak ada kaki, dan sa-bagai-nya, lebeh ganas lagi memakan manusia. Binatang² saperti harimau yang di-tangkap di-Trengganu yang memakan orang, Tuan Yang di-Pertua, bukan harimau yang chachat, harimau yang kaki-nya betul² empat

dan yang gagah, chuma sebab di-Trengganu ini negeri-nya di-perintah oleh Perikatan dan orang Perikatan banyak ganas, harimau pun tidak sabar. Jadi masaalah itu ada-lah masaalah serang balas dan ini tidak patut-lah kita jadikan undang² dalam Dewan ini.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, masaalah kekurangan babi, bukan-lah yang sa-mata² kerana orang ramai membuat lubang, maka jatuh di-situ. Babi ini di-buru oleh orang² Perikatan, orang² Perikatan banyak juga yang makan babi, Tuan Yang di-Pertua, bukan harimau sahaja. Jadi ini pun bergantung-lah juga dengan undang² yang kita beri untok memburu binatang². Oleh itu saya lebeh suka kita memperkuatkan lagi peratoran² memburu bagi musim-nya atau pun bagi jenis-nya yang boleh di-buru orang ramai. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu ia-itu binatang² kechil yang sa-patut-nya menjadi makanan kapada binatang² besar ini yang di-buru oleh manusia terlalu banyak, dan saya bacha di-dalam buku Binatang² Liar dan Burong² di-dalam Malaya ini komen pengarang ini di-dalam ulasan-nya dia marasa dukachita sebab undang² yang mengawal binatang² kechil ini tidak begitu kemas, hanya yang ada terhadap binatang² yang besar sahaja.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, susah juga kita hendak menghukum dengan denda sa-tinggi² \$2,000 dan hendak marah pula orang yang menggunakan jerat, apa kata kalau kawasan itu kawasan F.L.D.A. yang kita bawa masok orang, bawa orang² dari Melaka pergi ka-Pahang, dari Perlis pergi ka-Pahang, harimau ada, tidak boleh hendak bunuh harimau itu pula. Ini-lah satu perkara yang controversial dengan F.L.D.A. itu, F.L.D.A. tidak boleh maju, sebab harimau ini masok di-situ kita tahan dia.

Jadi, ini-lah yang menunjukkan bahawa Undang² ini di-buat tidak comprehensive dan tidak di-jaga kiri dan kanan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada dasar-nya saya bersetuju, maka saya tidak ada apa² yang hendak katakan, tetapi saya

minta-lah Menteri beri penerangan supaya saya puas hati. Terima kasih.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in rising to support the Bill which is by and large and in intent, a good Bill, I would like to make two comments. The first, Sir, is that I hope the original Bill and this amended Bill will be given full publicity in the areas where it can take most effect, and therefore the translations should be completed as soon as possible.

The second, Sir, is a much more important one, and I would like clarification from the Honourable Minister, who is also the Minister for Justice, with regard to Clause 2 sub-sections (3) and (4).

Sir, I have always been under the impression that in this country one of the basic fundamental rights of individuals is that he should be presumed innocent until proven guilty. Sir, the provisions in these two sub-sections clearly state that when any metal wire snare and so on are found in the possession or under the control of any person, such person shall be presumed, until contrary is proved, to have in his possession such metal wire snare, etc., with intent to kill. Sir, that by itself is probably an easier matter to consider; but sub-section (4) I think makes it much more difficult for the purposes of enforcement of justice, because it reads "When any spring gun or any contrivance referred to in sub-section (1) is found on land in the occupation of any person such person shall be presumed until the contrary is proved to have set placed or prepared such spring gun." Sir, I hope that the Honourable Minister will seriously consider this in the light of the fundamental principles of justice in this country, to alter or to make amendments to these two sub-clauses, just to say that when such metal wire snares and so on are found, either in possession of the person or on land in occupation of the person, then such person shall be liable to be presented; and that, Sir, I think would meet the requirements of the Bill and preserve the intent and principles of justice in this country.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab yang tertentu, saya akan menempohkan persidangan ini lama sedikit daripada biasa. Persidangan ini di-tempohkan sa-hingga pukul 11.15 pagi hari ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 10.15 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.15 pagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya tidak berapa hendak mengambil bahagian di-dalam perbahathan Rang Undang² ini, tetapi sa-telah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, saya rasa perlu-lah saya mengambil bahagian berchakap sedikit dalam Rang Undang² ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu yang baharu keluar daripada hospital kerana sakit, patut-lah di-shorkan supaya di-hantarkan kembali ka-hospital kerana terlalu banyak penyakit, tanda² penyakit yang lahir daripada perkataan² dan ucapan² dalam Dewan ini. Beliau pernah mengatakan kenapa tidak di-lengkapkan Pejabat M.S.A. di-Beirut dengan keterangan² pada hal Beirut dengan M.S.A. tidak ada hubungan langsung. Dia mengatakan kenapa kapal terbang turun di-Kuala Kerai, orang di-Kuala Kerai pun tidak tahu yang ada kapal terbang jatuh di-Kuala Kerai.

Pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan-nya, dia telah membawa satu cerita baharu yang di-reka-nya, dia mengatakan harimau yang di-tembak di-Trengganu itu tidak ada apa chachat-nya. Ini satu rekaan, kerana sa-benar-nya salah sa-ekor harimau yang telah mati di-tembak di-Trengganu dan bukan sa-ekor harimau yang mati di-tembak di-Trengganu, kerana mengganas ia-lah salah sa-ekor harimau yang tempang dan ini memberi bukti yang nyata kapada perlu-nya Rang Undang² ini. Saya mengshorkan,

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu di-hantar kembali ka-hospital, tetapi bukan kapada General Hospital, sa-balek-nya ka-Hospital Tanjong Rambutan supaya di-pelihara, di-baiki sadikit urat sarap otak-nya. Segala hujjah yang di-bawa-nya yang mengatakan bahawa oleh kerana denda yang di-kenakan dalam Rang Undang² ini terlalu mahal bahkan lebeh banyak daripada denda kerana tidak membayar nafkah, jadi ini sa-olah² memelihara binatang ini lebeh mahal daripada memelihara manusia. Saya suka menyatakan bahawa denda ini perlu di-kenakan untuk memelihara manusia, kerana jikalau harimau telah mengganas, maka manusia-lah yang akan menjadi mangsa-nya, dan untuk menyelamatkan nyawa manusia termasuk barangkali nyawa Ahli Yang Berhormat itu sendiri, maka perlu-lah di-kawal perkara jerat ini supaya harimau² itu tidak azab dan dalam keazaban dia itu mengganas dan membunuh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terkejut dan terperanjat dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi yang mengatakan bahawa orang² Perikatan ini makan babi. Di-dalam Dewan yang mulia ini jikalau hujjah² sa-bagai ini di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka ini ada-lah menjadi satu contoh bagaimana chara-nya orang² PAS dan pemimpin² PAS menjalankan da'ayah politik-nya. Di-dalam Dewan ini dia mengatakan orang² Perikatan ini makan babi, tetapi di-kampung². Tuan Yang di-Pertua, di-tempat² dimana orang jauh daripada bandar mereka bukan mengatakan ada orang Perikatan makan babi, kerana sa-benar-nya boleh jadi maksud-nya orang M.C.A. atau orang M.I.C. yang bukan Islam, kerana makan babi ini satu perkara yang sangat di-benci dan dilarang oleh Islam bagaimana yang di-maksudkan itu, tetapi di-kampung² mereka mengatakan Tunku Perdana Menteri makan babi. Saya rasa ini-lah rendah-nya mutu pergolakan politik yang di-lancarkan oleh pemimpin² PAS di-dalam Dewan ini dan lebeh² lagi di-luar Dewan ini.

Saya suka hendak menyatakan kapada Ahli² Yang Berhormat Dewan Ra'ayat daripada Parti PAS bahawa chara yang saperti ini walau mereka gunakan sa-kali pun, walau dia menunjukkan kehabisan modal politik mereka itu, tidak akan dapat memberikan mereka itu kejayaan. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi disambut dengan gelak ketawa tentang makan babi oleh Ulama² PAS saperti Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu. Jika ulama² PAS sendiri memberi lampu hijau kapada chara kempen politik saperti ini, apa-kah nasib Islam dan nasib ugama Islam yang di-jadikan topeng oleh parti PAS?

Dalam perkara Rang Undang² yang *innocent* sa-bagai ini, perkara yang kotor itu di-bawa untuk menjadi hujjah dan alasan, maka saya fikir kalau Rang Undang² ini lebeh berbau politik, tentu-lah mereka menggunakan berbagai² chara yang lebeh kotor lagi ketika menerangkan Undang² saperti itu kapada ra'ayat dan kapada orang ramai di-luar Dewan ini. Saya memberi amaran bahawa Islam ada-lah maha suchi daripada pemimpin² politik yang saperti itu dan bahawa mereka ada-lah penghianat kapada Islam sendiri dengan memakai nama Islam dan menggunakan tektik yang kotor saperti itu untuk mencapai tujuan dan kepentingan diri sendiri.

Tuan Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Yang di-Pertua, jika datok nenek manusia pada zaman purba telah mengadakan Undang² melindungi binatang² dan burong², maka pada masa sekarang kita maseh boleh melihat binatang dan burong² yang pelek² saperti binatang *disinosaur*. Entah² barangkali kita maseh boleh melihat burong garuda, barangkali burong garuda ini sa-benar²-nya tidak begitu besar saperti yang di-dalam cherita dongeng, jika burong itu sa-benar²-nya ada. Tetapi sayang-nya mergastua² itu telah hilang dari muka bumi ini kerana perbuatan manusia. Jika sa-kadar membunuh binatang² ini dengan tujuan hendak menyelamatkan

nyawa diri sendiri, ini ada-lah muna-sabah. Jika pula sa-bagai satu barang makanan pun tidak mengapa juga, tetapi dengan syarat bilangan mergastua² itu hendak-lah jangan berlebihan sangat sa-hingga merosakkan iktisad dan penghidupan manusia seperti arnab² di-Australia, dan manusia tidak ada lain barang hendak memakan-nya untuk ia hidup.

Tetapi, ada orang² yang membunuh binatang² ini sa-bagai satu *sport* atau soka sa-olah² memburu itu ia-lah satu perangai ashek kapada mereka itu, seperti juga bermain golf itu. Maka perangai² yang sa-umpama ini ada-lah sangat² tidak di-kehendaki dan boleh menghapuskan binatang² di-muka bumi ini. Sa-bagai satu makhluk juga mergastua² ini pun berhak hidup di-dalam dunia Tuhan ini. Mereka itu kena-lah di-kawal dari binatang² lain yang mempunyai otak fikiran ia-itu manusia daripada menghapuskan mereka itu semua sa-kali dari muka bumi ini.

Oleh itu kita patut menyokong Rang Undang² yang di-bentangkan ini. Haruslah di-ingati binatang² liar yang di-dalam negeri kita sa-makin sa-hari sa-makin kurang, bahkan orang² hutan di-Sarawak pun sa-makin sa-hari sa-makin kurang zuriat-nya.

Sa-puluh tahun, Tuan Yang di-Pertua, sudah chukup lama kita meminta sa-chara hormat ini, kerana tidak mahu di-tudoh atau di-katakan oleh pehak² Pembangkang seperti mana kita dengar dari pagi tadi, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang mengatakan kita telah menekan dan memaksa ra'ayat² dalam negara ini menghormati Lagu Kebangsaan kita. Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah dengan chara baik dan sa-chara hormat ini kita jalankan tidak juga mereka hiraukan, maka pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, masa-nya sudah sampai yang Rang Undang² Lagu Kebangsaan Negara ini di-bentangkan di-dalam Dewan ini, dalam Dewan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapat ketahui dengan jelas-nya dari ucapan² pehak Pembangkang dan kita dapat pula menentukan sekadar mana ta'at setia mereka itu kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang² ini telah di-luluskan dan dapat di-jalankan dengan kuat-kuasa-nya, maka saya perchaya dapat-lah kita menentukan yang mana manusia² di-dalam negara ini yang betul² menumpukan ta'at setia yang sa-benar²-nya kepada negara kita ini. Dan dengan kuat-kuasa Undang² ini juga, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah kita menghukumkan mana² ra'ayat di-dalam negara ini yang pura² menunjokkan

ta'at setia, tetapi pantang sa-kali mereka itu memberi hormat kepada Lagu Kebangsaan Negara ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hukuman yang di-kenakan di-dalam Rang Undang² ini kepada siapa² yang tidak menghormati Lagu Kebangsaan yang terchatet di-dalam Rang Undang² ini sangat-lah ringan, hanya dapat didenda tidak lebeh \$100 atau di-penjara-kan tidak lebeh daripada satu bulan. Saya perchaya hukuman yang sa-ringan ini tidak akan menakutkan mereka² yang sentiasa menchari helah supaya membuat menyuchok kepada ra'ayat² ini supaya memesongkan ta'at setia ra'ayat ini kepada negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya patut-lah di-beratkan lagi denda dan penjara kepada mereka yang tidak menghormati Lagu Kebangsaan ini. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, patut di-kenakan denda tidak lebeh daripada \$1,000 atau tiga bulan penjara atau pun kedua²-nya sa-kali dapat di-hukum.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya hukuman yang berat ini di-kenakan kepada orang² yang mempermain²kan Lagu Kebangsaan ini, saya perchaya dengan sa-singkat masa sahaja kita dapati mereka² ini akan menjadi manusia yang baik dan lebeh baik dan akan menjadi warganegara yang ta'at setia kepada negara ini.

Saya harap mendapat pertimbangan dengan sa-halus-nya daripada pehak Kerajaan atas shor saya ini. Terima kaseh.

Tuan Rafael Ancheta (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Lagu Kebangsaan yang telah di-kemukakan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya di-benar menyebutkan dengan lain² negeri, ia-itu tiap² negeri dalam dunia ada-lah mempunyai Lagu Kebangsaan mereka. Jadi, semenjak negara kita sudah merdeka harus-lah Lagu Kebangsaan kita ini di-hormati yang kita ra'ayat Malaysia seluroh-nya patoh dan ta'at setia dengan kejujoran hati kita menghormati Lagu Kebangsaan terhadap negara kita yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan kepada pehak yang tidak mengambil berat bagi menghormati Lagu Kebangsaan kita yang saya telah perhatikan ada juga ra'ayat Malaysia yang maseh mempunyai perasaan yang kurang ashek menghormati Lagu Kebangsaan kita. Bilangan ini ada-lah minority. Dengan perasaan yang demikian ini saya tudoh kepada bilangan ini maseh ada berperasaan communal yang hendak merosakkan perpaduan masharakat terhadap Kemerdekaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu perhatikan bila saya menuntun wayang gambar China atau Inggeris yang ada subtitle dengan Inggeris atau Melayu dan bila Lagu Kebangsaan di-mainkan ada yang berdiri menghormati-nya dan ada yang tidak mahu berdiri, tetapi dengan kepala-nya melihat kiri kanan dengan bunyian² siol (whistle). Wayang Melayu pun ada juga penuntun² berbuat demikian yang berma'ana mengolok²-kan kepada orang² yang ada perasaan kehormatan kepada Lagu Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengshorkan kepada Menteri yang berkenaan perkara ini sa-patut-nya hendak-lah di-hukum dengan denda jika ada di-dapati tidak menghormati Lagu Kebangsaan kita. Jika Kerajaan tidak mengambil perhatian keras atas orang² yang tidak ada perasaan menghormati-nya, saya perchaya mereka makin manja tidak menaroh kehormatan terhadap Lagu Kebangsaan kita di-negara kita.

Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang (Sarawak): Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya telah tersalah beruchap dalam Dewan ini. Kesalahan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah oleh kerana saya terlampau *excited* atau gembira dengan ada-nya pengeluaran Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang² Lagu Kebangsaan ini dan sa-harus-nya undang² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah di-adakan sa-baik² sahaja negara kita menchapai kemerdekaan dalam tahun 1957 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada-lah sa-buah negara dalam mana warganegara-nya terdiri daripada berbagai² keturunan bangsa dan kepercayaan. Ra'ayat bumiputra hampir semua-nya—hampir sama bilangan-nya dengan ra'ayat yang ra'ayat yang bukan bumiputra. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada kebanyakan daripada penduduk-nya yang bukan bumiputra itu telah menjadi warganegara Malaysia atau pun tidak. Bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya pada keseluruhan tabi'at² mereka yang bukan warganegara Malaysia, tetapi juga yang telah menjadi warganegara Malaysia sekarang sangat²-lah menyakitkan hati. Mereka berlagak sa-olah² Malaysia dan Kerajaan-nya tidak mempunyai maruah langsung dan sa-olah² ra'ayat bumiputra dalam negeri ini chuma boleh di-anggap sa-bagai orang hutan purbakala sahaja. Timbul dari perasaan memandang bumiputra sa-bagai ra'ayat yang bodoh ini, Tuan Yang di-Pertua, maka puak² yang tidak di-kehendaki ini memandang rendah juga kepada pemimpin² bumiputra dalam negeri ini, dan timbul daripada perasaan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka mereka itu tidak menghormati Lagu Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan juga. Sa-balek-nya, jika puchok pemimpin politik dan Kerajaan dalam negeri ini di-tangan mereka yang bukan bumiputra maka saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, mereka itu akan menukarkan tabi'at mereka, tetapi saya harap masa itu tidak akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua, di-Sarawak ada banyak penduduk² atau ra'ayat² menyamar diri mereka sa-bagai ra'ayat yang ta'at kepada negara, tetapi kechen-derongan dan hasrat mereka ada-lah kepada kominis atau sa-kurang²-nya mempunyai perasaan simpati atau penyokong kepada gerakan kominis. Bukti yang terang dan nyata, Tuan Yang di-Pertua, telah pun saya laporkan dalam Dewan yang mulia ini pada minggu yang lalu bahawa mereka menunjukkan dan memberi sa-tinggi² kehormatan kepada sa-saorang kominis siapa yang telah mati tertembak pada sadikit minggu lalu, mereka mengadakan *funeral procession* yang besar²an

dan di-iringi oleh beribu² orang sa-bagai menghormati kominis yang telah mati itu.

Saya chukup perchaya, Tuan Yang di-Pertua, perarakan yang telah saya laporkan ada-lah anjoran parti S.U.P.P., tetapi Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi S.U.P.P. ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah menafikan dengan membuat dusta dalam Dewan ini dengan mengatakan yang parti-nya S.U.P.P. tidak ada kena-mengena sama sa-kali dalam hal perarakan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ini dia gambar perarakan itu yang mana lambang S.U.P.P. terkibar² di-hadapan perarakan itu. (*Wan Abdul Rahman menunjukkan gambar itu kepada Dewan*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak nampak gambar itu dan tidak payah tunjukkan kepada saya.

Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun saya tahu ia-itu belum ada satu negara yang mengeluarkan undang² yang saperti ini, kalau saya tidak salah, tetapi melihatkan keadaan negara ini, terutama sa-kali di-Sarawak di-mana kominis tidak habis² bermaha rajalela dan menchuba mengancham keamanan ra'ayat yang tidak bersalah. Maka ini-lah satu jalan atau satu dasar yang paling baik dan paling sesuai di-jalankan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpendapat juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² ini di-adakan bukan bererti Kerajaan bertujuan untuk memaksakan sa-saorang itu ta'at setia kepada negara ini, tetapi ia-lah untuk mendapat tahu berapa banyak-kah bilangan ra'ayat yang tinggal di-dalam negeri ini yang ta'at setia kepada negara dan berapa bilangan ra'ayat yang tidak ta'at.

Dengan pendapat saya yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengemukakan Rang Undang² yang telah lama di-tunggu² oleh ra'ayat yang chintakan negara.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong atas tegoran sahabat saya di-saberang sana, ia-itu

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara yang telah menyentuh perkara hukuman kepada sa-siapa yang melanggar undang² ini dan saya juga tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang² ini, ia-lah hukuman yang akan di-jatuhkan kepada mereka yang biadab terhadap Lagu Kebangsaan itu, ia-itu tidak cukup berat. Menurut Fasal 8, dalam Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, *sub-section* (2) mengatakan:

“Barang siapa yang dengan mengetahui menunjukkan tidak hormat kepada Lagu Kebangsaan di-mana² tempat ‘awam bolehlah di-kenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada satu bulan.”

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, jika mereka itu terdiri daripada warganegara Malaysia patut-lah kewarganegaraan mereka di-luchutkan dan di-buang mereka dari negara Malaysia. Bagi mereka yang bukan warganegara Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, halau dan hambuskan mereka daripada negeri ini. Mereka yang tidak menunjukkan dengan sa-benar²-nya, mereka mahu sa-hidup sa-mati dengan Malaysia, tidak-lah patut di-beri tempat dalam negara Malaysia ini. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kementerian ini akan menerima chadangan saya. Terima kesah.

Tuan Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² juga tidak mahu ketinggalan untuk mengalu²kan Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu bersama² untuk berchakap sedikit sa-banyak dalam hal yang di-bangkitkan di-dalam Dewan ini.

Saya maseh teringat lagi sa-suatu yang di-atorkan di-dalam negara kita ini atau pun di-datangkan sa-suatu Rang Undang² yang hendak menjamin ketenteraman ra‘ayat berwaspadan atau pun lain² untuk menimbulkan rasa baik di-antara kita dalam negara ini memang selalu pehak² parti Pembangkang ini tidak pernah saya mendengar mereka menyokong. Umpama-nya, apabila kita hendak mengishtiarkan negara kita dalam keadaan dharurat untuk menyenangkan Kera-

jaan kita atau pehak² kaki-tangan kita menjaga keamanan, mereka medudoh yang kita ini hendak membenam atau hendak membunuh demokrasi dalam negeri ini. Tetapi apa yang di-dapati oleh ra‘ayat, ia-itu mereka ini sengaja menentang kerana hendak mengambil kesempatan daripada keadaan² yang berlaku dan di-dapati nyata dan terang kepada kita ini bahawa mereka ini sa-bahagian besar ada-lah menyokong langkah² orang asing atau orang luar untuk hendak menjahanamkan negara kita. Sekarang apabila di-bentangkan Rang Undang² di-hadapan kita ini, maka timbul-lah dua jalan pemikiran kepada kita sekarang.

Yang pertama fikiran yang hendak menchari sa-suatu yang baik dan kita harap negara kita akan menimbulkan keturunan yang baik sa-telah kita didek dengan satu chara dan satu lagi timbul ia-itu mengeluarkan suara supaya orang² di-luar Dewan ini dengar bahawa suara² yang boleh mengapi²kan hal² yang tidak elok. Ini terang, Tuan Yang di-Pertua, kita dengar pagi tadi dan juga di-tambah oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang menyatakan itu dan ini sambil menentang, erti-nya menentang Rang Undang² yang kita bentangkan ini, walau pun sa-tengah²-nya itu mengeluarkan dengan halus dengan chara bagitu bagini, tetapi kita nampak mereka ini ada-lah menentang juga akhir-nya.

Jadi, saya pada masa ini suka-lah hendak berchakap sedikit pada mereka yang berkenaan, ia-itu negara kita ini walau pun kita akui bahawa kita menjalankan demokrasi dan boleh membiarkan mereka ini hendak menchari apa, atau pun chara pemerentahan-nya bagaimana memang kita telah lakukan, tetapi walau bagaimana pun perkara² yang boleh mendatangkan perasaan jiwa kita tidak tenteram, umpama-nya, sekarang ini kita masok dalam satu Majlis yang ramai orang-nya, ketika itu ada budak² nakal kalau tidak-lah di-katakan anasir² ini wujud, tetapi kalau ada budak² nakal yang hendak menjahanamkan keadaan Majlis itu, apa-kah fikiran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, apa-kah fikiran Ahli Yang Berhormat dari Bungsar

ketika itu? Ada-kah dia akan menyokong langkah² mereka ini, atau adakah mereka akan bersorak maka buat-lah lagi begitu bagini, kapada mereka membuat perkara yang bagini? Jadi, terang kapada kita sekarang apa yang kita hendak adakan bukan sa-suatu perkara yang hendak di-pikulkan, atau hendak suroh orang bawa senapang. Yang kita hendak ajarkan orang ia-lah mereka ini mestilah ta'at dan kalau yang tidak ta'at itu sudah sunggoh-lah mereka ini tidak mahu hidup di-negeri kita ini, atau pun patut-lah kita mencari jalan untuk membersehhkan negara kita daripada hal² ini.

Saya dalam masa kita berada didalam tanah ayer kita ini memang benar apa yang di-ucapkan oleh pemimpin² Kerajaan yang mengatakan memang ada di-antara orang yang tinggal di-dalam Malaysia ini yang mahu menyedut, yang mahu menghisap, yang mahu mencari keuntongan daripada negara Malaysia ini, tetapi tidak mahu satu pun, sa-besar habok pun atau macham perasaan pun tidak mahu hendak membuat kebaikan kapada Malaysia. Ini bukan pembayaran yang kita hendak daripada harta benda, bukan pembayaran dengan darah, bukan pembayaran dengan sa-suatu apa, tetapi pembayaran rasa kaseh dan sayang kapada negara, kapada Lagu Kebangsaan kapada kita di-Malaysia ini; ini yang kita hendak dan sa-patut-nya kalau kita ingin ka-hadapan menjadi pemimpin kapada mereka yang akan hidup pada masa yang akan datang, apakah salah nya perkara yang boleh menimbulkan kebaikan, perkara yang boleh mendatangkan keharmonian hidup-nya, keturunan kita pada masa yang akan datang yang kita tahu timbul-nya Malaysia ini atau pun ra'ayat Malaysia ini daripada berbagai² bangsa, daripada berbagai² keturunan, daripada berbagai² orang; ada yang asal-nya bukan warganegara, tetapi sekarang menjadi warganegara, ada-kah tulus ikhlas atau tidak? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau Rang Undang² ini tidak di-adakan berlart², sampai masa² yang akan datang, saya bersetuju dengan sahabat²

saya yang lain, ini telah terlambat juga, sudah terlambat. Sa-buah negara, kalau kita tahu, kita tidak boleh bandingkan negara kita ini dengan negara lain sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, kalau mithal-nya di-India, walau pun dia keturunan A, B, C, dan D yang bukan sama-lah mithal-nya, tetapi dia satu ia-itu daripada orang India chuma dia punya kawasan India ini dan India itu, tetapi dia orang India juga, tidak ada Rang Undang² pun tidak apa. Tetapi sekarang ini kita banyak orang yang baharu yang datang meminta kera'ayatan, meminta menjadi ra'ayat, tetapi orang² yang bagini-lah biasa-nya dan saya sendiri bukan-lah tidak pernah menuntun wayang, saya pun memang ada menuntun wayang juga, saya sendiri tengok siapa yang memulakan, siapa yang menjerit, siapa yang bersiul, tetapi kalau kita biarkan bagini sa-kali lagi saya katakan orang² yang akan datang hidup-nya lebeh lagi seksa daripada hari ini, sebab perasaan di-antara kita orang yang benar² ta'at yang tidak ada tempat lain lagi kita hendak mengujudkan ta'at setia kita. Jadi, sedangkan Lagu Kebangsaan kita di-mainkan orang siolkan kita, orang ejek kita dan boleh jadi kalau waktu samar² orang baling kita pada masa yang akan datang dengan benda² keras. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan pergadohan atau pun ra'ayat akan bergaduh, ada-kah pada masa itu difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar atau di-fikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh? Kita baharu hendak mengadakan sa-suatu perkara umpama perkara yang telah lampau, baharu kita hendak mengadakan sa-suatu. Sekarang ini belum sampai lagi pada perengkat pergadohan yang begitu, chuma kita hendak menjaga maruah, maruah Lagu Kebangsaan. Pada masa kita hendak merdeka dahulu saya ingat semua ra'ayat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, saya ingat termasuk Ahli² Yang Berhormat yang lain mahu merdeka menghalau penjajah. Apabila telah merdeka, kita mesti ada mempunyai Lagu Kebangsaan, mesti ada mempunyai Bendera Kebangsaan.

Jadi, Lagu Kebangsaan ini apa-kah ma'ana-nya kepada hati perut orang² yang berchakap menentang hal ini, saya pun tidak tahu. Patut-nya sabulat suara Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini menyokong Rang Undang² ini supaya menjadi satu peratoran. Mula² sekarang kita adakan, saya nampak kalau mithal-nya kita hendak-lah, kita patut tambah denda² ini, tetapi buat permulaan ini saya tidak setuju dengan Wakil yang meminta denda itu di-besar²kan atau pun penjara dia lama². Ini bukan maksud-nya. Maksud di-adakan Undang² ini saya rasa mengadakan peratoran, umpama-nya, murid² masuk ka-sekolah ada peratoran-nya, pukul berapa hendak rehat, pukul berapa hendak naik, pukul berapa hendak berkumpul. Jadi, atoran² yang bagini dan sa-buah negara yang kita sudah nampak sa-karang manik atau bunga-nya yang di-timbulkan oleh orang² yang tidak penoh ta'at setia-nya, kemudian pula boleh menchetuskan pemikiran orang lain, orang yang ta'at setia ini kepada satu perasaan yang lain. Kita buat satu peratoran, dan saya sa-kali lagi menyokong; mari-lah bersama² kita mengalu²kan sa-buah Rang Undang² yang hendak menjaga atau pun hendak mengajar orang² yang tidak ada mempunyai rasa ta'at setia kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya minta orang² yang hidup di-dalam negara ini, jangan hanya hendak menerima apa sahaja kemanisan madu daripada negara ini, tetapi hendak-lah kita bersedia, sa-kali lagi saya hendak ulangi, hendak-lah kita bersedia apa yang patut kita hendak beri kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang² ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Rang Undang² ini suatu Rang Undang² yang sudah terlambat. Kita sudah merdeka 10 tahun dan masuk tahun yang ka-sabelas, dan keadaan² yang kita saksikan daripada sikap sa-tengah² gulungan ra'ayat terhadap Lagu Negara-Ku ini ada-lah keadaan yang tidak boleh di-sabarkan lagi. Sa-patut-

nya Rang Undang² ini sudah di-kemukakan pada Dewan ini untuk di-jalankan lima tahun yang lalu, tetapi walau bagaimana pun tidak ada sa-orang pun ra'ayat negara ini yang ta'at dan setia kepada negara ini dan kepada pemerintah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak akan mengalu²kan Rang Undang² ini.

Keadaan yang ada berlaku mengenai Lagu Kebangsaan ini suatu keadaan yang menyayat hati sa-sungguh². Beberapa rakan tadi telah menerangkan keadaan² di-wayang² gambar, tetapi ada suatu keadaan ia-itu bila Lagu Negara-Ku ini di-mainkan yang saya saksikan sendiri yang saya rasa hendak melaung dengan sa-kuat² suara ia-lah ketika wayang gambar sudah di-tayangkan, Lagu Negara-Ku pun di-mainkan dan pada masa itu gambar Yang di-Pertuan Agong di-tayangkan di-atas layar, ada di-antara penuntun² pada masa itu yang meludah, bukan sahaja tidak menghormati Lagu Kebangsaan itu, tetapi meludah di-hadapan-nya. Jikalau saya rasa saya ada kuasa di-tangan pada masa itu saya tangkap orang yang meludah ini dan saya gantung dia di-tiang gantung (*Tepok*). Keadaan² yang sa-bagai ini sudah berlarutan sangat.

Perkara yang paling akhir, Tuan Yang di-Pertua, dalam istiadat Minggu Perpaduan kita di-halaman Parlimen ini, ketika Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hadir sendiri dan Lagu Negara-Ku di-mainkan saya melihat dengan mata kepala saya sendiri, ada di-antara orang² sa-tengah orang daripada-nya tidak mahu Lagu Negara-Ku di-mainkan ketika kehadiran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Jadi, saya rasa sebab itu Rang Undang² ini patut-nya lebeh dahulu lagi di-kemukakan kepada Dewan ini. Keindahan Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah suatu Rang Undang² yang prektikel, kerana menurut Fasal 9 Rang Undang² ini memberi kuasa kepada sa-barang Pegawai Polis untuk menangkap siapa sahaja yang menunjukkan penghinaan kepada Lagu Negara-Ku ketika di-mainkan. Jadi,

dengan chara ini saya rasa, maka dapat-lah di-tanam rasa penghormatan dan kaseh sayang kepada negara kita.

Negara-Ku erti-nya negara; Negara-Ku tidak boleh di-samakan dengan Kerajaan. Ahli² Pembangkang melaung dan bertempok mengatakan ra'ayat tidak hormatkan Negara-Ku kerana Kerajaan tidak 'adil kapada sa-tengah² gulungan, tetapi Negara-Ku ada-lah untok Negara, bukan untok Kerajaan; sa-siapa yang menghormati Lagu Negara-Ku bukan bererti menghormati Perdana Menteri, tetapi menghormati Lambang Negara kita, menghormati kapada Negara ini menyatakan ta'at setia dan kaseh sayang kapada Negara ini, walau sa-siapa pun yang memegang tampok pemerintahan. Biar-lah sa-saorang itu dapat membedzakan di-mana dudok-nya Kerajaan dan di-mana dudok-nya Negara-Ku.

Tentang Kerajaan yang negara kita ini, saya tidak fikir gulungan² yang tidak puas hati atau yang di-hasut supaya tidak puas hati itu boleh menjumpai sa-buah Kerajaan dalam dunia ini yang memberi layanan dan ke'adilan yang melempah bagini sa-bagai mana yang di-berikan oleh Kerajaan kita kapada gulungan² yang bukan bumiputra dalam negeri ini, kapada gulungan yang berasal daripada keturunan China atau India atau pun Nasrani atau pun Ceylon; tidak ada sa-buah negeri pun, Kerajaan pun di-mana² dalam dunia ini yang boleh memberi ke'adilan yang bagini. Oleh sebab itu jikalau dengan keadaan yang bagini dan keadaan kemewahan hidup yang mereka perolehi di-sini dengan hak² politik yang telah mereka perolehi, dengan keadaan ini maseh juga ada pemimpin² yang tidak bertanggung-jawab yang chuba menghasut sa-tengah² gulungan ra'ayat ini supaya tidak menghormati lagu Negara-Ku, supaya jangan menghormati Lagu Negara-Ku kerana layanan tidak 'adil, supaya tidak menghormati negara ini, pershaitan sahaja, semua sahaja apa perkara yang mulia dan suchi kapada negara sa-bagai suatu jenis tekanan politik untok menchapai pejuang² mereka, maka saya kata pergi jahanam-lah dengan gulungan² ini, kerana gulungan² yang akan men-

jahanamkan negara ini dan menjerumuskan kapada jurang kehanchoran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mengatakan chuba-lah sebut pandangan ugama mana pun yang boleh memperundang²-kan ta'at setia yang menyuroh memperundang²-kan ta'at setia. Ta'at setia, kata-nya, tidak boleh di-perundang²-kan.

Saya boleh sebut suatu pendapat Islam dan Qur'an yang mewajibkan bapa memukul anak-nya, wajib bagi bapak memukul anak-nya jikalau anak-nya itu degil tidak menyempurnakan sembahyang sa-telah di-nasihatkan berkali² dia engkar juga tidak hendak sembahyang maka wajib-lah bagi bapa memukul anak-nya. Ini-lah Undang² yang sesuai dengan kehendak yang ada dalam hukum Islam sendiri. Jikalau sa-tengah² gulungan yang degil, anak yang nakal, maka wajib di-pukul, wajib di-buat peratoran bagi mengawal supaya kenakalan² itu tidak berlanjutan. Itu dia, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan-nya kalau hendak di-pandang dari segi ugama.

Saya sendiri maseh ragu² tentang keta'at setiaan orang² sa-bagai Ahli Yang Berhormat dari Bungsar atau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Dia mempersoalkan akan Undang² ini dan perkara ini tidak pernah di-buat. Saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, orang² sa-bagai Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu memang suka supaya ta'at setia ra'ayat negeri ini tidak mendalam kerana beliau sendiri sa-orang yang berbelah bahagi ta'at setia-nya, sa-belah kaki di-Malaysia, sa-belah kaki di-Singapura. Beliau menjadi Anggota Parlimen di-Malaysia ini dan isteri-nya menjadi bekas Anggota dalam Parlimen Singapura. Dua tiga hari ada dalam Dewan ini, dua tiga hari balek ka-Singapura ka-rumah tanggan-nya di-Singapura. Ini-lah orang yang menghasut supaya tidak di-perundang²-kan Undang² ini bagi menchegeh keadaan yang tidak dapat hendak disabarkan lagi dari keadaan sa-tengah² ra'ayat yang tidak menghormati Lagu Negara-Ku.

Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka, kita mesti menjalankan Undang²

ini, dan saya berharap jikalau ada sa-siapa sahaja yang tidak menghormati lagi Lagu Kebangsaan ini, jikalau mereka itu bukan warganegara, saya minta dan saya rasa wajib bagi Kerajaan menghalau dan mengeluarkan dia daripada negeri ini, dan kapada warganegara, di-timbangkan balek kedudukan kera'ayatan-nya sendiri. Jikalau kapada Lagu Negara Ku mereka tidak ta'at, apa-kah yang boleh kita harap daripada dia sa-bagai warganegara kapada negeri ini? Bila datang waktu kechemasan ada-kah warganegara² yang tidak ta'at dan tidak mahu menghormati Lagu Negara Ku berfikir, mereka hanya boleh dan patut mendapat kekayaan di-negeri ini, tetapi tidak patoh menunjukkan sedikit rasa kehormatan dan ta'at setia dan tumpuan segala jiwa dan hati-nya kapada negara yang telah menjadi ibunda-nya ini.

Ini-lah dia hidup kita di-dunia, Tuan Yang di-Pertua. Hidup di-dunia bergantung kapada ka-ikhlasan hati, kapada tanah ayer sa-saorang itu, jikalau kita ada tanah ayer dan jikalau tanah ayer telah menerima kita sa-bagai anak-nya, maka kewajipan kita ia-lah menyerahkan segala jiwa, harta kekayaan, perasaan keta'atan kapada negara dan kapada tanah ayer. Ini kewajipan manusia. Jika manusia itu bernama manusia, jikalau ada orang yang tidak mahu ra'ayat atau anak kapada tanah ayer itu supaya ta'at dan setia kapada tanah ayer-nya, maka orang itu ada-lah menyeru supaya manusia itu tidak berupa manusia, dan jikalau manusia tidak berupa manusia, tidak berdarah dan berperasaan manusia, maka akan hanchor-lah dunia ini.

Bershukor kapada Tuhan bahawa negara kita mempunyai, maseh mempunyai penganjor² yang tahukan harga manusia dan penghargaan kapada rasa manusia, ini-lah maka Undang² ini di-bentangkan kapada Dewan ini dan saya rasa dan saya berseru-lah kapada seluroh golongan bagi menerima Undang² ini dengan sa-penoh-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kapada Ahli² Yang Berhormat, tolong-lah pendek²-

kan sedikit ucapan; kalau tidak Rang Undang² ini tidak dapat di-luluskan.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan)
(dengan izin): Mr Speaker, Sir, I would be very brief.

Sir, respect for one's National Anthem is something which reflects the character of a person. It does not matter whether one is a citizen of *Timbaktu*, or Russia, or anywhere. In fact whenever one hears the national anthem of any nations being played, it is only his duty that he should stand up as a mark of respect. I have heard some Honourable Members here trying to equate respect with loyalty. I do not think this Bill is asking for loyalty; it is only asking for respect; and I think the very minimum we can do in this country is that we all must, whether we are citizens or not, respect our National Anthem. It transcends everything—even if there are some people who are not in favour of the policy of the Government, that is not important—that is secondary. His first and foremost respect is for the National Anthem, the National Flag and our King. It should not be mixed up with the Government of the day. Even if any Opposition Party comes to power—God forbids—we still have to respect the National Anthem. We may not respect their Government, but we will respect the National Anthem.

We have heard some Honourable Members of the Opposition saying that the Alliance Government has not done enough and, therefore, there is still a small group of people who are against our Government. This is wrong. Whether the Government is right or wrong, it is immaterial; it is respect for our own National Anthem. Secondly, however much the Government will do, however much for the Government persuades, talks and argues and reason until the cows come home, these people will still say that they would not stand up for our National Anthem.

The Honourable Member for Ipoh has asked this morning whether any other country besides Malaysia has such a law. The answer is that it might not be necessary in other countries, because our conditions here are

peculiar to ourselves. Therefore, in our case we need such a law.

Looking at this Bill, I feel that actually there are three categories of people involved. I am worried about the first category, that is the really ignorant ones, those who are from the villages, those who are from the *kampongs* or estates. Some of them have not even heard of our National Anthem, and I am afraid that if these people—the genuine ones—happen to be in a cinema hall and the National Anthem is played, and they do not stand up to pay respect, they will be arrested; that I think is a little hard on them because they do not mean disrespect to our National Anthem. They are really ignorant. So, I think they should be excused. I do not know how it can be done and I leave it to our Government to think of some way out.

The second category is the misguided few. Those misguided few are those who are misguided by some unscrupulous politicians who say, "Well, you do not support the Government; why should you worry about the National Anthem?" As I said, this is wrong, because you can disagree or go against the Government, but you can never, under any circumstances, go against our own National Anthem, our National Flag and our Agong.

The last category that we are concerned with is the group of the defiant ones; those who know and who deliberately defy whatever steps taken by the Government—they know that it is wrong, but yet they want to do it. I think this Act is a timely one; it should be passed to deal with this particular group, because without this Act the Government is powerless and cannot do anything especially in places like cinema halls.

Before I conclude, I would ask the Government to reconsider withdrawing the playing of the National Anthem in cinema halls, because, as I have said, I am afraid that the first group of people may happen to be there, may be a poor Chinese from a village, or a Malay from a *kampung*, who has never heard the National Anthem, and to them it is something funny. So, those

are the people who might be affected. In fact, the question is asked, "Why should our National Anthem, a symbol of respect, be played in cinema halls?" That I think can be solved and the playing of the National Anthem could be withdrawn. The last category as I have said, are those who force the Government to pass this Bill, and these few

Tuan D. R. Seenivasagam: Mr Speaker, Sir, on a point of order—it just strikes me. The Honourable Member has said that to a man from a new village, or from a *kampung*, the National Anthem will sound funny. I think that should be withdrawn. I do not think our National Anthem is funny (*Laughter*).

Tuan Kam Woon Wah: No, Sir. I think my Honourable friend has misinterpreted my word. What I mean is that to them they do not know what is being sung—never heard of it in their life-time. "Funny" is not in the sense of the word "funny". Funny in the sense that it is something new to them—they have never heard of it. As expected, my Honourable friend must misinterpret something we say.

Tuan Yang di-Pertua: Do be very careful, because there are some very loyal Members of Parliament here. (*Laughter*).

Tuan Kam Woon Wah: Mr Speaker, Sir, that will be the happiest and joyous day for our country.

Sir, I conclude now and I say that the last group, will never be satisfied. Even if the Government goes and get the moon down for them, still they will not be satisfied; and in fact I would classify them as the defiant, the unyielding and the unrepentant few.

Tuan Khaw Kai-Boh (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, when I introduced this Bill for the Second Reading, I was looking forward to spontaneous support in this House to this Bill, and I must say, Sir, I was both gratified as well as sad—gratified for the simple reason that in this House we still can count on those loyal citizens of this country, including some from the

Opposition, and these constitute the greater number of the speakers whom we have heard in this House, who supported not only the Bill but who have rebutted the utterances of those who refused to support this Bill for various reasons which I shall be dealing with in a moment. I was very sad that even in the august House, where we expect the nobler sentiments to prevail, where we expect greater men yet we can find in this very House itself people who have oppose this Bill—people who have opposed this Bill like the Honourable Member for Bungsar. He makes us very sad. But this is to be expected. As one of the Honourable Members has stated, what can you expect from someone who has one foot across the Causeway and one foot on this part of the Causeway (*Applause*).

Our memory, after all, is not so short. We did know for a time that this very Honourable Member was to stand as a candidate in Singapore until the very last moment—and this is the Member who spoke against this Bill with a lot of verbose utterances as usual that we have heard in the past, and who qualified loyalty with conditions.

I stated in my introduction, Sir, that this is not a partisan matter, this is not a political issue. After all, we all owe allegiance to our country, and this is a symbol which we must expect every citizen to respect. Now, I hope, in fact, the utterances of those Members of this House who have opposed this Bill will be fully reported by the Press in this House, so that the people in this country and the electorate in this country can see for themselves, can decide for themselves, who are the people they should support and who are the people they should reject in time to come; and for that matter we are glad to have in the *Hansard* of this very House the utterances of those who are loyal and those who are disloyal; and as to how they should be judged, I leave it to the readers to judge from the very words they utter.

The National Anthem, Sir, as I have stated, is a binding force, especially for a multi-racial society like ours. We

need symbols of this nature—National Anthem, National Flag, Coat of Arms, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong—to bind us all together in this very great experiment of parliamentary democracy, which will bind us together, as what the United Nations Charter has set out to achieve, and this is exactly what we are trying to set out to do, Sir. I am also glad that we have the spontaneous support of our brothers from Sabah and Sarawak—that not only this Bill should be supported but that this Bill is long overdue. Sir, I ask for your indulgence to speak generally just now because by doing so I have replied to nearly all the points, summary of points, raised by a number of Members of this House.

Now, I come to more specific issues. I did not catch quite clearly whether the Honourable Member for Ipoh said he support, or he did not support the Bill. I hope I heard it wrongly; if I heard it correctly, I think he said, “I do not support the Bill”. But I hope I have heard wrongly, because I hope the Honourable Member did support the Bill but there are certain defects in the Bill which should be changed in the Committee stage. Now, if that is correct, then I welcome his support to the Bill and I certainly thank him for his constructive criticism as to the defects in law.

Now, as we all know, there is no finality in the interpretation of law. I think we all know it depends on the Tribunal that has the last say as to the interpretation of law; of course within certain limits we can interpret. But as far as the issue raised by the Honourable Member is concerned, I think certainly that is a point which we can look into, but I have been advised, Sir, that as far as the points raised by the Honourable Member, they are already adequately covered in the Bill itself. In this respect, I would like to remind the Honourable Member, Sir, that as a result of the National Language Act, 1967, the Bahasa Kebangsaan version of the Bill is the authoritative version and as such, any comment with a view to seek an amendment must be directed at the

Bahasa Kebangsaan version and not the English version. And I have been advised also, Sir, that the National Anthem is the composition consisting of the words and music as specified in the Schedule of the Bill, which contains the Royal version, the abridged version and the short version in one Schedule, and therefore, reference to the National Anthem means reference to any one or all of the versions. But, anyway, Sir, I think if we find that this alleged flaw of the law should turn out to be a problem, I have no doubt, when I come back to this House again to seek an amendment, such amending Bill will receive the full support of this House. But I think we would like to see this Bill go through all stages at this sitting so that we can deal with this very small section of people. I say "very small", because I like to emphasise that they are very small and because some Honourable Members of the Opposition like to say that a large section of people are behaving in this manner. It is not so. It is only a small, very small minority of the people who are behaving in this manner, as a result of which we have to seek powers under this Bill. Now, as I said just now, if this defect should be proved to be problematic, action will be taken to have the flaw amended by bringing forward into this House an amending Bill.

The Honourable Member has also stated that nowhere in the world was a law enacted for this purpose. Here again, the Honourable Member for Ipoh is not quite correct. I would like to say that there are Asian countries which have brought about similar legislation for this purpose and these are Thailand, Burma and Indonesia. But that is beside the point. I think the more important point is this: although a lot of countries have not brought out legislation for this purpose to deal with a very small section of the people disregarding and disrespecting the national symbol, but a very great number of these countries do not practise the rule of law, do not follow the supremacy of the rule of law. We are very proud in this country, and here again, our Honourable Prime Minister has repeatedly

stated within this House and without this House, that we, at least the Alliance Government, always and will always respect the supremacy of the rule of law and the complete independence of the judiciary—unlike other countries which do not bring about legislation for this purpose, because they can seek to resort to arbitrary measures to deal with those people who fail to respect the national symbol, because they can resolve to executive action to do so, because they do not respect the supremacy of the rule of law, there was no need for such a legislation, but in this country because we follow the rule of law and we practise parliamentary democracy, we have to come to this House to seek your support, and after all this is the highest Tribunal of the country, for powers to make quite sure that this very small section of the community will respect our national symbol, and because of this very high belief that we have, we have to come to this House for powers to deal with this very small section of the people.

The Honourable Member for Ipoh has doubted the necessity, as I stated, of bringing this measure. But we do know within us that there is a lot of gangsters, hooligans and in this respect, as in every country, we have a lot of criminal elements, quite apart from the political subverters I have stated in my speech earlier, and these are the hooligans who will also resort to intimidation to prevent people standing up in public places, including the cinema halls. It is also to deal with this sort of people that we have to bring out this kind of legislation just as much as we have to bring out legislation to deal with criminal activities. I would invite the Honourable Member to visit one of the cinema halls to see for himself that this thing is, in fact, happening almost daily in the cinema halls, particularly in the first half portion of the ground floor near to the screen and no sooner some of the people stood up when the National Anthem was played, one could see so clearly and hear so clearly these gangsters hooting away, booing away, jeering away, preventing the loyal citizens from standing up in respect of

